

**ISSUE AND CHALLENGES IN THE IMPLEMENTATION OF TRANSITION TO  
WORK PROGRAM FOR LEARNING DISABILITIES STUDENTS IN THREE  
SPECIAL EDUCATION SCHOOLS, IN TAIPING DISTRICT**

(*Isu Dan Cabaran Dalam Pelaksanaan Program Transisi Kerjaya Murid Masalah Pembelajaran Di Tiga Program Pendidikan Khas Integrasi Daerah Taiping*)

Kumaresan Muniandy<sup>a</sup>, Norani Salleh<sup>b</sup>

<sup>ab</sup>Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Merbok  
E-mail : kumar011184@gmail.com

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan mendapatkan maklumat tentang sejauh manakah program transisi kerjaya dilaksanakan. Ia juga bertujuan untuk melihat apakah kekangan yang ada dalam pelaksanaan program tersebut. Fokus inkuiiri dalam kajian ini adalah :(1) melihat bagaimana program transisi kerjaya bagi murid bermasalah pembelajaran dilaksanakan; (2) melihat penglibatan guru, ibu bapa dan murid bermasalah pembelajaran dalam program transisi kerjaya; (3) mengenal pasti kekangan yang wujud dalam pelaksanaan program transisi kerjaya. Reka bentuk kajian ini berbentuk kaedah temubual dengan menggunakan kaedah kualitatif yang berfokuskan kepada pendapat serta penglibatan responden. Kaedah temu bual dijalankan terhadap responden kajian yang terdiri daripada enam murid bermasalah pembelajaran, tiga ibubapa, tiga guru pendidikan khas, dan wakil pihak luar. Dapatkan menunjukkan keberkesan program transisi kerjaya untuk murid bermasalah pembelajaran berada pada tahap yang memberangsangkan dan aspek kolaborasi pelbagai agensi dan penglibatan ibu bapa sepenuhnya merupakan faktor utama dalam melihat keberkesan program transisi. Walau bagaimana pun wujud kekangan dalam pelaksanaan program transisi ini iaitu dari aspek guru yang tidak menjalani sebarang latihan tetapi menggunakan pengetahuan yang sedia ada, masalah ketidaksediaan murid pengiktirafan program manakala ibu bapa menyatakan kebimbangan tentang nasib anak mereka apabila tamat persekolahan. Penambahbaikan perlu dilakukan bagi meningkatkan keberkesan program transisi ini di masa akan datang.

**Kata Kunci:** Program Transisi Kerjaya, Murid Bermasalah Pembelajaran

**Abstrak:** This research investigated perceptions of hearing-impaired students in identifying the effectiveness and experiences which facilitated their successful transition from secondary and post-secondary education into adult life and employment. These studies had indirectly identified barriers faced by hearing-impaired students during their transition from high school to community living as perceived by educators and employers. A total of 85 hearing-impaired employees are involved as respondents to answer the questionnaire and 10 individuals from various sectors will be identified as participants in the qualitative data. The findings indicated 55.3% agreed that the counsellor/ teacher helped in securing employment, and 74% agreed that school programs did not help with job placement. The study also showed that communication is the main factors that prevented hearing-impaired worker to participate in the employment sector. Other factors include level of education, personality, perceptions of the deaf and the employers.

**Keywords:** Transition Programmed, Vocational Education, Hearing Impaired student;

**PENDAHULUAN**

Matlamat utama pendidikan adalah untuk menyediakan seseorang individu menjadi bertanggungjawab, menyumbang kepada komuniti. Murid bermasalah pembelajaran perlu didedahkan kepada realiti kehidupan setelah tamat persekolahan melalui satu program komprehensif yang menyarankan kemahiran hidup diperlukan untuk menepati kehendak sebagai orang dewasa Followay & Patton (1993). Persediaan dan kejayaan pendidikan ke arah kerjaya amat penting kepada murid berkeperluan khas. Murid-murid biasa yang tidak mempunyai pendidikan vokasional yang cukup, akan mudah mempelajari sesuatu kemahiran apabila menjalani latihan sewaktu bekerja. Namun bagi murid bermasalah pembelajaran, tanpa latihan pekerjaan di sekolah, prospek kejayaan mendapatkan pekerjaan adalah amat lemah. Simiches

(1975) menyatakan dalam situasi pekerjaan yang sukar untuk diperolehi pekerja yang tidak mempunyai latihan tertentu sukar untuk mendapatkan pekerjaan dan golongan berkeperluan khas pula menghadapi kesukaran berganda dalam persaingan untuk mendapatkan pekerjaan yang terhad.

Individual with Disabilities Education ACT (IDEA 1990) menyatakan bahawa perkhidmatan transisi mestilah mempertimbangkan minat, pilihan dan keperluan pelajar. IDEA juga meminta agar Rancangan Pendidikan Individu ( RPI ) disertakan dengan kompenan transisi yang spesifik seperti kenyataan mengenai keperluan perkhidmatan transisi dan agensi yang terlibat. Malah pindaan Akta IDEA pada tahun 1997, menambah bahawa permintaan transisi di dalam Rancangan Pendidikan Individu (RPI) mesti disertakan dengan keperluan perkhidmatan

transisi berkaitan dengan kursus yang dipelajari apabila usia pelajar mencapai 14 tahun. Program transisi yang dijalankan mempunyai reka bentuknya sendiri dan disesuaikan dengan persekitarannya Smith (2001). Menurut Sorrells et al. (2004) transisi ialah satu proses yang kompleks dan kejayaanya memerlukan usaha sama ada koordinasi serta komunikasi pelbagai pihak termasuk guru-guru, ibu bapa atau keluarga serta agensi-agensi yang mempunyai kaitan dengan pelajar tersebut. Halpern (1993) menyatakan bahawa fokus transisi seharusnya melibatkan kualiti hidup sebagai matlamat utamanya iaitu dengan mengambil kira peranan individu bermasalah pembelajaran sebagai orang dewasa dan memperbaiki strategi pengajaran untuk memastikan murid bermasalah pembelajaran mempunyai kemahiran dan kecekalan diri untuk mencapai matlamat hidup berdikari. Satu program persediaan iaitu program transisi untuk murid bermasalah pembelajaran selepas tamat persekolahan adalah penting supaya mereka tidak terbiar begitu sahaja. Program transisi adalah program membimbing pelajar bermasalah pembelajaran ke arah mendapatkan pekerjaan dan hidup berdikari dengan kemahiran-kemahiran pra vokasional, kemahiran sosial dan kemahiran kehidupan harian Meesie (2001). Menurut Howard (2000), program ini dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan individu dengan mengambil kira kecenderungan dan minat murid tersebut. Ianya adalah juga program yang berorientasikan kepada hasil yang membolehkan pelajar-pelajar berkeperluan khas beralih alam persekolahan ke alam pekerjaan. Ianya memberi peluang kepada murid berkeperluan khas mempraktikkan latihan yang diterima diperangkat sekolah menengah apabila mereka mendapat pekerjaan kelak. Latihan yang diterima oleh murid-murid berkeperluan khas ini termasuklah latihan selepas alam persekolahan, kemahiran hidup berdikari, latihan pekerjaan dengan agensi swasta dan latihan perkhidmatan kemasyarakatan. Bagi setiap kategori kecacatan program transisi mempunyai reka bentuknya sendiri dan harus disesuaikan dengan keadaan di sesuatu tempat atau persekitaran (Smith, 2000). Ianya adalah proses yang komprehensif yang melibatkan ibu-bapa, guru-guru dan agensi-agensi yang terlibat secara langsung dengan pelajar tersebut. Taylor (2000) menyatakan program transisi merupakan satu siri aktiviti yang berguna untuk memastikan pelajar-pelajar mempunyai kemahiran, peluang dan sokongan yang diperlukan untuk memasuki alam pekerjaan dan melibatkan diri dalam aktiviti social masyarakat dan seterusnya membuat kurikulum kefungsian atau kurikulum perkembangan kerjaya. Satu usaha kolaborasi dengan majikan, agensi dalam komuniti dan ibu bapa serta sokongan dan sistem pemantauan yang berterusan sehingga individu dapat menyesuaikan diri dengan komuniti dan pekerjaan.

### 1.1 Pernyataan Masalah dan Objektif Kajian

Pendidikan Khas di Malaysia mempunyai kaitan rapat dengan konsep masyarakat penyayang yang bertujuan memberi peluang kepada individu berkeperluan khas berintegrasi dengan ahli masyarakat penyayang yang bertujuan memberi peluang kepada individu berkeperluan khas berintegrasi dengan ahli masyarakat lain membina sikap positif terhadap warga berkeperluan khas serta memastikan mereka menerima peluang pekerjaan dan jaminan kehidupan berkualiti(Noraini et.al. 2001). Pendidikan khas memainkan peranan penting dalam membantu murid berkeperluan khas (MBK ) dalam proses pembelajaran sehingga memasuki alam pekerjaan ( Nasri, Hamzah & Udin , 2010).

Mohamed ( 2005 ) menerangkan jenis kategori murid berkeperluan khas ( MBK ) masalah pembelajaran seperti *slow leaner*, *autistic*, *down sindrom*, terencat akal ringan, *hyper actif*, *cerebral palsy*, masalah emosi dan tingkah laku, masalah pertuturan, epilepsy dan pelbagai kecacatan yang lain. Secara umumnya MBK masalah pembelajaran bukan merupakan golongan yang lemah sehingga tidak mampu untuk melakukan sesuatu. Golongan ini jika bermasalah pembelajaran, fizikal mereka masih sempurna, jika masalah fizikal, kognitif mereka masih sempurna dan boleh dilatih ke arah kemahiran. MBK masalah pembelajaran mempunyai potensi yang baik dan merupakan sumber tenaga yang bakal menyumbang ke arah kemajuan Negara (Hassan et al., 2006). MBK ini boleh dilatih dengan kemahiran komunikasi, mengawal diri, serta memupuk keyakinan diri yang tinggi bagi membolehkan mereka berdikari dan bersedia untuk bekerja berbanding bidang akademik yang menunjukkan kelemahan murid dari segi kognitif. (Isa et al., 2009)

Di Malaysia, pelaksanaan program transisi kerjaya masih kurang jelas, tidak dapat dipastikan peraturan yang memerlukan program transisi dilaksanakan untuk murid-murid bermasalah pembelajaran di sekolah. Pelaksanaan transisi di sekolah merupakan program integrasi pendidikan khas hanya dijalankan atas inisiatif penyelaras program dan pelaksanaan program transisi tanpa perancangan jitu yang lebih sempurna kerana kebanyakkan aktiviti yang ditunjukkan oleh guru penyelaras dilaksanakan dalam keadaan yang tidak seragam Ab.Rahman (2003). Selain itu kajian Tang (2004) pula menyatakan bahawa pelajar kurang upaya boleh memperoleh kemahiran pravokasional melalui program transisi di mana ia belum dilaksanakan secara menyeluruh di Malaysia. Isu yang dihadapi oleh ramai ibu bapa dan murid-murid dengan keperluan khas adalah bahawa terdapat kekurangan pelan peralihan yang berkesan dari sekolah ke pekerjaan yang membawa kepada hasil pekerjaan yang tidak memuaskan oleh populasi kumpulan keperluan khas ini

Keadaan pekerjaan individu dengan keperluan khas di Malaysia yang dilaporkan oleh sebuah akhbar nasional, The Sun, bertarikh Februari 23,2005, yang

menyatakan bahawa daripada 60,000 orang OKU yang mampu untuk bekerja, hanya sembilan peratus atau 5,582 daripada mereka bekerja. Ini menunjukkan bahawa penduduk yang besar individu dengan keperluan khas yang tidak bekerja dan tidak berpeluang untuk mendapat pekerjaan. Ini adalah satu krisis pekerjaan yang mempunyai kesan ekonomi significant dan besar modal insan Malaysia tidak digunakan kepada potensi sepenuhnya. Yeo (2006) menyatakan bahawa pekerjaan bagi orang kurang upaya bermasalah pembelajaran adalah terhad dan orang kurang upaya bermasalah pembelajaran bergantung kepada bengkel terlindung dan Pemulihian Dalam Komuniti (CBRS) untuk menyediakan peluang pekerjaan. MBK masalah pembelajaran mempunyai keupayaan fizikal yang boleh dilatih melalui pendidikan teknikal, vokasional, kemahiran supaya boleh mengikuti sesuatu pekerjaan tertentu (Daros, Nordin & Saud 2012). Selain itu menurut Williams- Diehm & Lynch (2007), program transisi kerjaya merupakan aktiviti yang melibatkan pengalaman persediaan untuk menghadapi alam selepas persekolahan dan ianya merangkumi pilihan, minat murid, perkembangan pekerjaan dan kehidupan alam kedewasaan. Program transisi yang dilaksanakan perlulah mengambil kira kategori MBK serta pemilihan bidang kemahiran yang bersesuaian dengan tahap kemampuan MBK masalah pembelajaran itu sendiri (Dares et al., 2012).

Manakala dalam kajian ini, murid bermasalah pembelajaran yang boleh menyertai program transisi adalah merujuk kepada murid yang menerima pendidikan di sekolah menengah dalam program intergrasi pendidikan khas (PPKI) masalah pembelajaran di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Masalah pembelajaran diandaikan sebagai masalah neurologi. Ia tidak berkaitan dengan IQ seseorang kerana selalunya IQ individu tersebut berada pada tahap normal. Masalah pembelajaran berkaitan dengan cara otak menerima, memproses, menganalisa dan menyimpan maklumat. Ia merupakan keceluaran dalam satu atau lebih daripada satu proses psikologi yang melibatkan kefahaman atau penggunaan bahasa, sama ada lisan atau bertulis. Keceluaran ini boleh menjelaskan keupayaan mendengar, berfikir, bertutur, membaca, menulis, mengeja atau pun mengira.

Perkhidmatan kolaboratif digalakkan melalui perjanjian antara agensi yang menjelaskan peranan, tanggungjawab, strategi komunikasi dan lain-lain tindakan kolaboratif yang akan meningkatkan kurikulum dan perkembangan program serta penyaluran perkhidmatan (Benz et.al 1995). Melalui amalan kolaboratif, pihak yang terlibat dalam menyediakan pendidikan serta ke arah menjadi orang dewasa menyasarkan peluang kepada individu juga isu-isu komuniti yang mempengaruhi peluang perkhidmatan kepada pelajar bermasalah pembelajaran. Tujuan aktiviti Antara semua pihak dan persepsi ibu bapa. Kaedah temu bual dijalankan terhadap responden kajian.Kaedah temubual dipilih kerana ianya adalah satu kaedah kajian yang amat penting kerana ia membantu pengkaji

kolaborasi adalah untuk menanam sistem integrasi yang mengarah kepada pembelajaran jangka panjang dan keperluan sokongan daripada ahli masyarakat.

Devileger dan Truch ( 1999) mendapat sokongan dan kolaborasi antara agensi kepada seseorang murid dan keluarga merupakan faktor penting dan jika dilakukan dengan sempurna, ia akan meningkatkan pencapaian matlamat transisi. Collet Klingenberg (1998) juga mendapat pasukan transisi berasaskan sekolah dan komuniti merupakan alat dalam memperkenalkan dan melaksanakan rancangan transisi berfokuskan pelajar.

Penyertaan ibu bapa serta keluarga dalam perancang dan memberi perkhidmatan pendidikan serta transisi. Amalan penglibatan mengfokuskan peranan yang tersusun luas di mana keluarga terlibat dalam perancangan dan perjalanan transisi, membuat keputusan pembentukan polisi dan juga sebagai jurulatih. De Fur et al. (2001) mendapat bahawa faktor ibu bapa yang dikenal pasti memperbaiki penglibatan mereka dalam program transisi adalah berdasarkan perkembangan peribadi.Penglibatan ibu bapa merupakan elemen utama kejayaan sesuatu program transisi kerjaya.

Kajian ini bertujuan mendapatkan maklumat daripada murid, guru, ibu bapa, dan agensi luar tentang sejauh manakah program transisi kerjaya dilaksanakan. Ia juga bertujuan untuk melihat apakah kekangan yang ada dalam pelaksanaan program tersebut.. Secara khususnya, fokus inkuiri dalam kajian ini adalah: (1)Melihat bagaimana program transisi kerjaya bagi murid rmasalah pembelajaran dilaksanakan; (2) Melihat penglibatan murid, guru, ibu bapa dan agensi luar; (3) Mengenal pasti kekangan yang wujud dalam pelaksanaan program transisi kerjaya.

## METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini berbentuk kaedah temubual dengan menggunakan kaedah kualitatif yang berfokuskan kepada pendapat serta penglibatan responden yang terdiri daripada murid bermasalah pembelajaran, ibu bapa murid masalah pembelajaran, guru pendidikan khas, dan agensi luar. Penyelidik adalah instrument utama bagi penyelidikan ini, keterlibatan secara langsung ditempat yang dikaji membolehkan penyelidik mendengar, melihat dan mengalami reality sebagaimana yang dialami oleh peserta kajian (Lebar, 2009). Memandangkan bahawa pelan transisi bagi murid masalah pembelajaran adalah satu proses pelbagai dimensi dan kompleks, adalah wajar untuk menggunakan pendekatan kualitatif dalam bentuk kajian kes yang akan menyediakan penyelidikan ke arah isu-isu dalam pelaksanaan, penglibatan guru dan murid, kolaborasi

meneroka dan mendapatkan maklumat kajian secara mendalam.Kajian ini merupakan kajian kes di tiga buah sekolah program integrasi pendidikan khas (PPKI) masalah pembelajaran yang menjalankan projek

transisi kerjaya.Kaedah temubual digunakan dengan menggunakan satu set panduan temu bual berstruktur.

Data temubual yang diambil khas untuk menjawab persoalan kajian.Sepuluh orang responden daripada pelbagai latar belakang yang mewakili pihak berkepentingan utama program transisi kerjaya. Setiap

temu bual mengambil kira-kira 30 minit. Temu bual telah dipandu dengan menggunakan protokol temu bual separa berstruktur untuk meninjau pelaksanaan, kolaborasi antara agensi dan persepsi ibu bapa terhadap program transisi kerjaya. Penyelidik telah memperolehi data melalui temu bual muka-ke-muka.

**Jadual 1.1 Responden Kajian**

Kategori Responden	Latar Belakang Responden
Guru Pendidikan Khas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)	<p>a) En Tan Mei Wei                       Guru PPKI SMK Pengkalan Aur,                      Mengajar mata pelajaran pra-vokasional ( 12 tahun )</p> <p>b) En Ahmad Junaidi B Sabaruddin                       Guru PPKI SMK Dato Kamaruddin, Batu Kurau                      Mengajar mata pelajaran kemahiran ( 15tahun )</p> <p>c) En Alexander                       Guru PPKI SMK Dr Burhanuddin                      Mengajar mata pelajaran kemahiran ( <i>Polity</i> ) ( 18 tahun)</p>
Ibu bapa	<p>a) En Mat Juki                      b) En Mat Isa                      c) En Arumuga</p>
Murid Berkeperluan Khas ( MBK ) Masalah Pembelajaran	<p>a) Mohd Emirul Shafiq                      b) Mohd Firdaus                      c) Kumaresan</p>
Agensi Luar  Veterinar Daerah Larut Matang dan Selama FAMA Batu Kurau	Wakil agensi

## ANALISIS DATA

### Pelaksanaan Program Transisi Kerjaya

Dapatan kajian ini mendapati bahawa keberkesanannya program transisi yang dijalankan di peringkat tiga buah sekolah adalah pada tahap sederhana tinggi. Terdapat faktor luaran dan dalaman yang mempengaruhi program transisi. Antara faktor luaran termasuklah isu ekonomi, faktor teknikal, faktor keluarga dan faktor lain. Faktor luaran seperti isu ekonomi, ianya menjadi salah satu isu utama yang ditimbulkan oleh responden iaitu bapa (a) mengatakan: Walaupun anak saya terlibat dengan projek sekolah tetapi selepas tamat persekolahan dia masih dirumah dan saya masih bawah tanggungan. Manakala bapa (b) mengatakan: Mana ada masa untuk semua ini, saya tak boleh tumpu dan bantu anak saya yang khas ini sahaja, saya ada ramai anak lagi yang perlu saya tengok. Bapa (c) mengatakan: Anak saya belajar kemahiran menternak selama empat tahun, apabila tamat persekolahan dia tidak mempunyai apa-apa sijil sah yang menunjukkan dia mengikuti kemahiran tersebut. Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa komitmen ibu bapa terhadap program transisi ini adalah tidak memberansangkan kerana mereka bimbang terhadap kekangan kewangan dan tidak begitu yakin terhadap program transisi yang dijalankan kerana rata-rata MBK yang tamat persekolahan masih dirumah tanpa mempunyai pekerjaan. Selain itu MBK yang mengikuti program transisi kerjaya didedahkan kepada kemahiran tertentu berdasarkan minat tetapi tidak mempunyai persijilan yang mampu membantu MBK mencari peluang pekerjaan atau membuka perniagaan sendiri.

### Latihan dan Kemahiran Guru

Tujuan kurikulum program transisi dijalankan dalam pendidikan khas adalah untuk membina kemahiran bekerja untuk mereka menjalani kehidupan selepas tamat persekolahan. Melalui dapatan daripada temu bual dengan tiga orang guru yang menjalankan program transisi kerjaya mendapati guru tersebut tidak menjalani sebarang latihan tetapi menggunakan pengetahuan yang sedia ada serta bimbingan daripada pihak agensi luar untuk menunjuk ajar serta membimbangi murid dalam menguasai kemahiran tertentu. Keyakinan guru dalam memberikan latihan dan membimbangi murid bermasalah pembelajaran telah memberi keyakinan kepada murid itu sendiri dalam menguasai kemahiran. Guru Pendidikan Khas yang mengendalikan projek itu menghadapi masalah dalam pengajaran dan pembelajaran dan menyarankan pengubahsuaian kurikulum adalah diperlukan dalam melaksanakan program transisi bersesuaian dengan keperluan murid berdasarkan kebolehan dan keupayaannya. Selain itu kemahiran yang bersifat sosial, komunikasi dan praktikal dijadikan sebagai kayu pengukur sejauh mereka boleh memperolehi kemahiran sosialisasi. Ibu bapa menyatakan program transisi merupakan satu langkah penting ke arah kejayaan anak-anak mereka untuk hidup berdikari. Walaupun demikian ibu bapa menyatakan kerisauan tentang nasib anak mereka

mana keupayaan guru-guru dengan melihat potensi diri sebenar murid bermasalah pembelajaran dalam program transisi. Guru juga menyatakan mereka tidak mempunyai garis panduan khusus dalam merangka dan melaksanakan program transisi kerjaya

### Sikap dan Minat Murid

Selain itu faktor dalaman merangkumi tahap ketidakupayaan seseorang pelajar dari segi fizikal dan keupayaan deria, kemahiran kerja, sikap mereka turut menyumbang dalam hal ini kerana murid kurang memberi komitmen terhadap program latihan transisi yang dijalankan. Ianya dibuktikan dengan pernyataan responden kajian iaitu guru yang mengendalikan program transisi: Bagi saya, murid ini kurang memberi perhatian serta sikap sambil lewa sepanjang latihan kemahiran dijalankan, murid juga sering gagal dalam penilaian kemahiran walaupun latihan diberikan berulang kali. Guru telah mengatakan: "Minat dan keupayaan kanak-kanak bermasalah pembelajaran dapat disesuaikan dengan jenis program transisi yang dijalankan di sekolah serta sumber komuniti yang terdapat di sekeliling sekolah. Penyesuaian ini dapat dilakukan melalui pelaksanaan aktiviti yang diminati oleh murid yang boleh ke arah peluang pekerjaan dan menjana sumber pendapatan". Dalam melihat keberkesanannya program transisi yang dilaksanakan di sekolah berdasarkan dapatan temu bual menunjukkan bahawa murid bermasalah pembelajaran menunjukkan minat dan kecenderungan yang tinggi semasa program dilaksanakan. Mereka menunjukkan rasa seronok dan yakin semasa mengikuti latihan kemahiran yang dijalankan oleh pegawai dari agensi luar. Selain itu wujud kekangan iaitu masalah ketidak hadiran murid ke kelas untuk menjalani latihan serta kurang memberi tumpuan sepanjang program latihan dijalankan, pihak luar dan guru terpaksa mengadakan sesi latihan ulangan yang agak kerap supaya murid-murid bermasalah pembelajaran dapat mengikuti kemahiran dengan betul.

### Sikap dan sokongan ibu bapa

Ibu bapa juga memahami tujuan program transisi dalam pendidikan khas, ini memberi keyakinan kepada mereka kerana program ini mampu membentuk nilai berdikari dalam kalangan murid-murid bermasalah pembelajaran dan seterusnya membentuk ke arah kesediaan menghadapi alam pekerjaan selepas tamat persekolahan. Berdasarkan hasil temu bual ibu bapa kurang bersetuju untuk membenarkan anak-anak mereka untuk mengikuti program transisi walaupun mereka tidak meletakkan harapan tinggi iaitu anak mereka boleh berdikari selepas tamat persekolahan kerana tidak mahu menanggung risiko semasa anak mereka menjalani latihan di luar sekolah, tetapi dengan harapan anak

apabila tamat persekolahan.

### Sikap dan Sokongan Sekolah dan Agensi Luar

Sikap dan sokongan pihak sekolah dan Agensi Luar amat baik kerana semua pihak memahami tujuan

pelaksanaan program transisi kerjaya bagi murid bermasalah pembelajaran. Pihak luar menyatakan bahawa berlaku masalah menyesuaikan diri dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran apabila pegawainya datang untuk memberi latihan kemahiran, murid tidak mampu sesuaikan diri dengan corak latihan pada awalnya kerana murid berasa kekok untuk menerima dan juga berasa kekok untuk menerima kehadiran mereka. Pada mulanya MBK rmasalah pembelajaran sukar untuk menerima arahan daripada pegawai luar dan sering keluar dari kelas sepanjang kursus latihan dijalankan. Kekangan ini berlaku dan ianya memberi persepsi negatif kepada pegawai luar kerana tingkah laku murid bermasalah pembelajaran yang tidak konsisten. Murid-murid bermasalah pembelajaran boleh melakukan sesuatu pekerjaan jika diberi latihan yang berulang-ulang sehingga mereka menjadi mahir serta murid ini amat lemah dari segi kemahiran sosial dan komunikasi. Dapatkan temu bual dengan pengetua sekolah mendapati bahawa pemahaman pihak sekolah dalam konsep sebenar program transisi adalah berpandukan kepada falsafah pendidikan khas yang mementingkan kemahiran berdikari mengikut keupayaan murid agar mencapai matlamatnya.

#### **4. Perbincangan, Cadangan dan Implikasi**

Secara keseluruhan, dapatkan dari responden kajian iaitu murid, guru pendidikan khas, ibu bapa, dan wakil agensi luar terhadap keberkesanan program transisi kerjaya untuk murid bermasalah pembelajaran berada pada tahap yang memberangsangkan. Aspek kolaborasi pelbagai agensi dan penglibatan ibu bapa sepenuhnya merupakan faktor utama dalam melihat keberkesanan program transisi. Dapatkan kajian ini selaras dengan pandangan Devlieger dan Trach (1999) yang menyatakan bahawa sokongan dan kolaborasi antara agensi kepada seseorang murid dan keluarganya merupakan faktor penting dan jika dilakukan dengan sempurna, ia akan meningkatkan pencapaian matlamat transisi.. Beberapa cadangan dikemukakan oleh pengkaji dalam memperkuuhkan lagi pelaksanaan program transisi kerjaya MBK masalah pembelajaran

- I. Pihak Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia perlu menyediakan satu garis panduan yang khusus serta modul yang bersesuaian untuk guru PPKI tentang pelaksanaan program transisi kerjaya MBK masalah pembelajaran.
- II. Pihak ibu bapa/penjaga harus memainkan peranan dengan melibatkan diri dalam semua program yang dijalankan di sekolah.
- III. Agensi luar perlu membuka ruang dan peluang bagi MBK masalah pembelajaran dalam menerima latihan serta menempatkan diri di alam pekerjaan.

#### **KESIMPULAN**

Pekerjaan amat penting bagi setiap individu dalam meningkatkan taraf social hidup. Menurut Isa et al. (2009), kerjaya di masa hadapan lebih kepada

bidang kerjaya yang memerlukan kemahiran. Bagi MBK masalah pembelajaran, program transisi kerjaya amat diperlukan dalam melahirkan individu yang berkemahiran dan membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan yang sesuai serta mampu berdikari selepas tamat persekolahan.

#### **RUJUKAN**

- Ab. Rahman Hamdan. 2003. Satu kajian mengenai program transisi bagi pelajar berkeperluan khas. Projek Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Brolin, D. (1973). Life centered career education: A competency-based approach (4th ed.) Reston, VA: Council for Exceptional Children.
- Burgstahler, S., & Cronheim, D. (2001). Supporting peer-peer and mentor-protégé relationships on the Internet. Journal of Research on Technology in Education, 34(1), 59-74.
- Blackmon, D. (2007). Transition to Adult Living: An information and Resource Guide (versi elektronik) [www.calstat.org/publication/pdfs/transition\\_guide\\_07.pdf](http://www.calstat.org/publication/pdfs/transition_guide_07.pdf)
- Collet-Kligenberg, L. 1998. The reality of best practices in transition: A case study. Exceptional children, 65:67-78.
- Cohen,L.G.& Spenciner, L.J.2003. Assessment of Children and youth with special needs.
- Cheng, M.L.D & Pong, K.Y.(2010). The Development of Special Education in Macau. International Journal of Special Education. 25(2),119-126
- Devileger, P& Trach, J.1999. Meditation as transition process: The impact on postschool employment outcomes, Exceptional Children, 65: 507-523.
- Daros, M.M., Nordin, M.S.,&Saud, M.S. (2012) Pelajar Berkeperluan Khas dan Bermasalah Pembelajaran Dari Sekolah ke Kerjaya. Journal of Social Science. 5(1), 42-46
- Grenen, S, Powers, L & Lopex-Vasquez, A.2001.Multicultural aspects of parent involvment in transition planning. Exceptional children. 67:265-282.
- Halpern , A.1993.Qualityof life as a conceptual framework for evaluating transition outcomes. Exceptional Children. 59(6):486-498.
- Hassan, Z.,Yusof, S.M.,& Wahab,S. ( 2006). Pengaplikasian Kemahiran Amali Mata Pelajaran Kemahiran Hidup dalam Kehidupan Pelajar Berkeperluan Khas ( versi elektronik) <http://eprints.utm.my>
- Isa, Z.M., Salleh,N.,Mustafa,R,&Yassin,H.M. (2009). Analisis Keperluan Kurikulum Pendidikan Vokasional Pelajar Bermasalah Pembelajaran ( LD)di Malaysia. Malaysia Education Deans Council Journal.3(2), 87-97
- Lebar,O.(2009). Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod.3rd ed Tanjung Malim. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Meese, R. L. 2001. Teaching learners with mild difficulties: Integrating research and Practice. Belmont, CA: Wadsworth/Thompson Learning.
- Mohamed,J.K.A. (2005). Pendidikan Khas Untuk Kanak- Kanak Istimewa. 1sted. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Nasri, M.S.,Hamzah.R.& Udin, A (2010). Falsafah Pendidikan Kebangsaan Memperkasa Peranan Pendidikan Teknik Vokasional dan Pendidikan Khas (versi elektronik)  
<http://eprints.utm.my>
- Patton, M.Q. (1990). Qualitative evaluation and research methods (2nd ed.). Newbury Park, CA
- Smith, D.D.2001 . Introduction to special education: teaching in an age of opportunity Ed. Ke 4. Boston : Allyn & Bacon.
- Simches, R .1975. Economic inflation: hazard for the handicapped. *Exceptional Children*. 41 :229-242.
- Taylor, R . L. 2000 . Assesments of Exceptional students: Educational and psychological procedures . Ed . ke -5 , Boston Allyn & Bacon
- William-Diehm, K.L & Lynch, P.S.(2007). Student Knowledge and Perceptions of Individual Transition Planning and its Process. *The Journal For Vokasional Special Needs Education*, 29 (3),13-21
- Yeo, G. (2006) (Ed.) Curriculum in Ethnogeriatrics: Core Curriculum and Ethnic Specific Modules.Collaborative on Ethnogeriatric Education.
- Zainal Abidin Osman.2003. Penglibatan Ibu bapa dalam program Pendidikan Khas Kanak- kanak bermasalah Pembelajaran Tesis Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia



